


# **Menyingkap Rahsia Pelaburan Emas:**

**Teknik-Teknik Menjana Kekayaan  
Dengan Emas DIBONGKARKAN  
(versi 2010)**



## Pendahuluan.



Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Pertama sekali saya ingin rakamkan jutaan terima kasih kepada anda yang membeli ebook/buku ini.

Untuk pengetahuan anda, ebook/buku ini dikemaskini berdasarkan *feedback* daripada pembaca versi sebelumnya. Ramai pembaca mahukan kupasan yang lebih mendalam mengenai beberapa topik.

Antaranya ialah kemudahan Ar-Rahnu, zakat emas, teknik-teknik melihat harga emas, tips-tips mengelakkan daripada terjebak ke dalam skim pelaburan emas dan banyak lagi.

Semua *feedback* ini membuatkan ebook/buku **"Menyingkap Rahsia Pelaburan Emas – teknik-teknik menjana kekayaan dengan emas DIBONGKARKAN**

**edisi 2010** kini lebih mendalam dan lebih mantap.

Terima kasih saya ucapkan kepada pembeli terdahulu ebook ini diatas *feedback* mereka dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada mereka yang baru membeli ebook/buku ini.

Anda telah mengambil langkah yang bijak untuk menambahkan ilmu berkenaan pelaburan emas.

Pelaburan terhadap ilmu adalah jalan pertama ke arah kejayaan. Ini adalah pelaburan yang sangat berbaloi kerana anda sekarang akan mengetahui rahsia pelaburan emas dan teknik-teknik menjana keuntungan dengan emas.

Selepas membaca ebook/buku ini saya yakin anda akan memahami tentang pelaburan emas. Namun ilmu sahaja belum mencukupi.

Anda perlu mengambil tindakan yang betul.

Ini kerana:

### **ILMU + TINDAKAN = KEUNTUNGAN**

Selain itu, saya meminta agar anda selalu melawat blog [www.jutawanemas.com](http://www.jutawanemas.com) . Banyak info tambahan yang saya tulis disana. Ini kerana ilmu emas ini adalah dinamik dan sentiasa berubah dari masa ke semasa.

Sangat seronok rasanya apabila dapat berkongsi ilmu dengan orang yang serius mahu belajar tentang pelaburan emas.

Saya berharap agar ilmu yang anda perolehi di sini akan memberikan manfaat dan mampu mengubah hidup anda.

Daripada penulis,

**SYUKOR HASHIM**

Admin Jutawanemas.com

e-mail: [admin@jutawanemas.com](mailto:admin@jutawanemas.com)

### **Hak cipta terpelihara:**

Setiap bahagian daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kedalam bentuk lain sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin terlebih dahulu daripada penulis.

### **Had Liabiliti:**

Buku ini diterbitkan dengan sebaik mungkin bagi tujuan panduan dan pendidikan untuk pembaca.

Namun, segala maklumat dan strategi yang diceritakan di dalam ebook/buku ini mungkin tidak sesuai bagi sesetengah individu. Penulis tidak memberi jaminan bahawa strategi yang diceritakan di dalam ebook/buku ini akan memberikan hasil yang tertentu.

Segala nasihat, idea dan cadangan di dalam ebook/buku ini ditulis sebagai panduan umum dan anda mungkin memerlukan khidmat nasihat daripada pakar yang professional di dalam bidang berkenaan untuk sesuatu keputusan yang bersifat khusus untuk diri anda.

Tiada jaminan (samada secara tersurat atau tersirat) diberikan oleh penulis terhadap ketepatan, kecukupan maklumat, kesesuaian, kebolehlaksanaan maklumat yang terkandung di dalam ebook/buku ini.

Penulis dan penerbit serta wakil-wakil mereka menafikan segala tanggungjawab atau lialibiliti terhadap segala kerugian, kerosakan atau risiko kepada individu atau mana-mana pihak yang berlaku akibat penggunaan isi kandungan ebook/buku ini.

### **Amaran:**

Ebook/buku ini adalah hakcipta terpelihara. Anda tidak boleh sama sekali mengubah, mengedarkan atau menjual ebook/buku ini kepada pihak lain tanpa kebenaran bertulis daripada penulis.

Sebarang kegiatan yang menyalahi etika penerbitan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Anda hendaklah melaporkan kepada penulis sekiranya anda menerima ebook/buku ini secara tidak sah. Hubungi e-mail [admin@jutawanemas.com](mailto:admin@jutawanemas.com) atau sms 013-2126999.

Tindakan anda amatlah dihargai bagi membanteras kegiatan-kegiatan yang tidak sah dari segi undang-undang dan agama.

Jika anda memiliki ebook/buku ini secara tidak sah, saya tidak akan menghalalkan ilmu ini di dunia dan akhirat.

Ditulis oleh: Syukor bin Hashim  
Admin [www.jutawanemas.com](http://www.jutawanemas.com)  
e-mail: [admin@jutawanemas.com](mailto:admin@jutawanemas.com)  
SMS: 013-2126 999

## Topik hadiah:

### Topik 5: Bagaimana menjana keuntungan dengan pelaburan emas?



Baiklah, sekarang saya ingin berkongsi cara-cara membuat keuntungan dengan emas. Saya pasti ini adalah topik yang sangat menarik.

Pelaburan emas akan memberikan pulangan yang lumayan jika anda memahami dan menguasai teknik-teknik yang saya akan kongsi di bawah.

Namun anda perlu siapkan minda anda terlebih dahulu.

### ***Siapkan minda anda terlebih dahulu.***

Sebelum saya bercerita kepada anda teknik-teknik membuat untung melalui emas, saya berharap anda dapat menyiapkan minda anda untuk memahami perkara-perkara di bawah.

1. Emas adalah pelaburan jangka masa **sederhana dan panjang**. Ia memang akan menguntungkan pelabur. Tempoh masa untuk pelaburan emas disarankan sekurang-kurangnya 1 tahun ke atas. Kesabaran penting kerana ia melibatkan proses menunggu harga emas naik dan turun.
2. Di dalam pelaburan emas, anda perlu menggunakan konsep mulakan sekarang. Beli emas dulu kemudian tunggu (*buy first then wait*), bukannya tunggu masa yang sesuai untuk bermula.
3. Sebagai komoditi, harga emas sentiasa ada turun naiknya tetapi di dalam jangka masa panjang harganya akan meningkat naik.
4. Pelaburan emas tidak menjamin pendapatan tetap setiap bulan. Jika anda mahu menjana pendapatan setiap bulan maka pelaburan emas bukanlah jawapannya. Jawapannya ialah perniagaan emas. Ya! Anda kena melabur sambil berniaga emas.
5. Pelaburan emas yang sebenar bukanlah dengan cara menyertai skim-skim pelaburan emas. Anda akan temui beberapa syarikat yang menawarkan pulangan lumayan jika anda melabur emas dengan syarikat mereka (contohnya memberikan pulangan tetap 2%-3% sebulan). Ini kerana risikonya adalah tinggi. Sudah banyak syarikat yang menawarkan pelaburan emas telah diserbu oleh Bank Negara Malaysia atau cabut lari.
6. Semakin banyak ilmu yang anda perolehi maka menjana pendapatan dengan emas akan menjadi lebih mudah. Justeru anda perlu rajin membaca laman-laman web yang berkenaan emas. Contohnya ialah:
  - i. Kitco ([www.kitco.com](http://www.kitco.com))
  - ii. The Bullion Desk ([www.thebulliondesk.com](http://www.thebulliondesk.com))
  - iii. Goldsilver.com ([www.goldsilver.com](http://www.goldsilver.com))
  - iv. Mineweb ([www.mineweb.com](http://www.mineweb.com))
  - v. Casey Research ([www.caseyresearch.com](http://www.caseyresearch.com))
  - vii. Bullionvault Gold News (<http://goldnews.bullionvault.com/>)
  - viii. World Gold Council (<http://www.gold.org/>)

Baiklah, sekarang saya akan bercerita tentang pelan tindakan. Untuk pengetahuan anda pelaburan emas yang baik memerlukan strategi dan pelan tindakan yang baik. Ini bagi memastikan anda mempunyai matlamat yang jelas mengenai pelaburan anda.

### ***Pelan tindakan.***

Terdapat 3 pelan tindakan yang perlu anda ambil:

1. Tindakan pertama: mulakan sekarang! Beli emas dulu kemudian baru tunggu (*buy gold first then wait*), bukannya tunggu masa yang sesuai untuk bermula.
2. Tindakan kedua: Beli emas secara konsisten.
3. Tindakan ketiga: (dalam ebook full version)

### **Tindakan pertama: Beli emas dahulu, kemudian baru tunggu.**

Tindakan pertama adalah MULAKAN SEKARANG! Anda perlu membeli emas dahulu kemudian barulah tunggu harganya naik.

Ramai orang yang baru hendak bermula akan terasa teragak-agak untuk membeli emas mereka untuk kali pertama. Keadaan ini biasanya berlaku apabila harga emas sedang tinggi. Mereka takut selepas membuat pembelian tiba-tiba harga emas jatuh dan mereka akan rugi. Mentaliti ini perlu dielakkan sama sekali.

Ramai yang teragak-agak untuk memulakan pelaburan emas walaupun tahu ianya sangat menguntungkan dan emas memang naik harga di dalam jangkamasa panjang. Mereka merasakan harga emas "mahal". Ya memang betul emas memang mahal.



**Gambar: Harga emas akan meningkat naik.**

Saya tak pernah jumpa orang yang cakap harga emas adalah murah. Perasaan mahal itu hanyalah bisikan otak kiri anda sahaja. Usah pedulikan ia. Yang penting anda perlu bertindak.

Emas adalah pelaburan jangkamasa panjang (setahun keatas). Walau apa juga harga emas ketika itu anda perlu membeli emas dahulu, kemudian baru menunggu. Sekarang ialah zaman kenaikan harga emas. Dimana sahaja harga permulaan anda, anda akan tetap untung.

Jadi ambil tindakan sekarang!!



**Gambar: Langkah pertama – beli emas dahulu kemudian baru tunggu harga naik.**

### **Tindakan kedua: Beli emas secara konsisten.**

Setelah memulakan langkah pertama anda, maka langkah kedua ialah membeli emas secara konsisten. Dengan kata lain, anda perlu menetapkan matlamat untuk memiliki emas setiap beberapa bulan. Contohnya anda meletakkan target untuk membeli sebiji dinar setiap 3 bulan.

Dengan mengambil tindakan membeli emas secara konsisten, anda akan memperoleh keuntungan dengan kaedah pemurataan kos (*cost averaging*). Di dalam trend harga emas yang menaik, purata harga emas yang anda beli akan semakin menurun jika anda membeli emas dengan konsisten.

### **Bagaimana kaedah pemurataan kos menguntungkan pelabur emas di dalam jangkamasa panjang.**

Untuk memudahkan anda melihat keuntungan menggunakan teknik pemurataan kos, saya akan berikan anda satu contoh.



**Andaian 1:** Anda telah memulakan pelaburan emas daripada tahun 2006 sehingga tahun 2009.

**Andaian 2:** Anda membeli 1 keping syiling Kijang Emas ½ Oz secara tetap sebanyak 4 kali setahun. Syiling Kijang Emas ini anda beli setiap bulan Januari, Mei, September, Disember.

(anda boleh merujuk sejarah harga Kijang Emas di laman web Bank Negara Malaysia) di laman web: <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=12&pg=141> )

**Tahun 2006**

Tarikh	Harga belian
3/1/2006	RM 1,054
2/5/2006	RM 1,278
1/9/2006	RM 1,245
1/12/2006	RM 1,257

**Tahun 2007**

Tarikh	Harga belian
3/1/2007	RM 1,215
3/5/2007	RM 1,243
3/9/2007	RM 1,268
3/12/2007	RM 1,420

**Tahun 2008**

Tarikh	Harga belian
3/1/2008	RM 1,530
2/5/2008	RM 1,449
2/9/2008	RM 1,499
2/12/2008	RM 1,520

**Tahun 2009**

Tarikh	Harga belian
2/1/2009	RM 1,650
4/5/2009	RM 1,699
1/9/2009	RM 1,809
1/12/2009	RM 2,121

Daripada jadual diatas, apabila anda mencampurkan keseluruhan harga syiling Kijang Emas daripada tahun 2006 – 2009, jumlahnya ialah RM23,257 dan anda mempunyai 16 keping Kijang Emas.

Jadi, kos purata setiap Kijang Emas ialah RM1453 setiap satu.

Pada 1/6/2010 nilai belian balik kijang emas ialah RM2027. Jika anda menjual kesemua 16 keping syiling Kijang Emas maka keuntungan anda ialah:

$(RM2027 - RM1453) \times 16 \text{ keping} = \mathbf{RM9184.00}$

Ini adalah keuntungan sebanyak 39.49%

Dengan membeli sebiji Kijang Emas secara konsisten, anda akan mendapati bahawa harga purata bagi setiap syiling akan menjadi lebih rendah.

*p/s: Bagi memudahkan pengiraan saya andaikan anda hendak jual semua syiling Kijang Emas tersebut. Tetapi mungkin anda akan menjual 15 keping sahaja kerana Kijang Emas yang dibeli pada 1/12/2009 itu belum untung lagi.*

**TIPS! Bagaimana memaksimumkan lagi keuntungan pelaburan emas anda menggunakan teknik pemurataan kos?**

Untuk memaksimumkan lagi keuntungan anda perlu menggunakan teknik ini:

1. *deleted*
2. *deleted*

Jika anda hendak mengetahui rahsia teknik-teknik ini, sila dapatkan ebook versi penuh.

Baca maklumat kat bawah sekali:

### Teknik 5: Membuat keuntungan dengan emas fizikal (menggunakan teknik manipulasi Ar-Rahnu)

Baiklah, sekarang saya ingin berkongsi teknik menjana keuntungan dengan menggunakan emas fizikal dan kemudahan Ar-Rahnu. Sesiapa yang dah beli emas fizikal, tahniah! teknik ini untuk anda.



Gambar: Contoh emas fizikal ialah Gold Bar Public Gold.



Teknik ini utk pemegang emas fizikal ajer, GIA dan Maybank GSPA tak boleh.

Bagi yang tak ada emas fizikal @ buat pelaburan dengan akaun GIA atau Maybank Gold Saving passbook, teknik ini anda tak boleh buat 😞

Untuk pengetahuan anda semua, saya sering kali menerima soalan seperti berikut”

“En. Syukor, sesuai ker saya beli emas sekarang nie?  
Nampak harga emas tengah mahal nie?”

**(soalan yang ditanya ketika harga emas di dalam trend menaik)**

Jawapan *standard* yang saya akan berikan ialah:“Kalau anda nak beli GIA, tunggu dulu sebab harga tengah tinggi. Tapi kalau nak beli emas fizikal, then beli ajer.. tak payah tunggu-tunggu”. Apakah rahsia di sebalik jawapan saya ini? Kenapa kalau emas GIA saya suruh *hold* dulu dan tunggu harga murah? Tapi kalau nak beli emas fizikal saya suruh beli ajer?



**JAWAPANNYA.**

Emas fizikal ini banyak keistimewaannya. Walaupun anda beli emas fizikal pada harga tinggi, anda tetap memperoleh untung kerana ia boleh digadaikan untuk mendapatkan tunai segera. Jadi anda boleh menggunakan teknik manipulasi Ar-Rahnu untuk membuat keuntungan.

Akaun simpanan emas seperti GIA dan Maybank GSPA (beli emas atas kertas) cuma boleh untung dengan beli harga murah, jual harga tinggi. Ia tidak boleh digadaikan di Ar-Rahnu.

Di sini saya ingin berkongsi 2 teknik manipulasi Ar-Rahnu.

**Teknik 1: Pajak emas fizikal dan masukkan kedalam akaun GIA/GSPA**

**Teknik 2: Pajak emas dan beli lagi emas fizikal kemudian pajak, kemudian beli emas fizikal lagi.**

Bagi pelabur-pelabur emas yang lama memulakan pelaburan emas... memang ini adalah peluang menjana keuntungan lebih terutamanya bila harga emas jatuh. Sebagai orang berpengalaman (sebab selalu memantau harga emas) anda akan tahu bila akan berlakunya *buying opportunity*. (*Buying opportunity merujuk kepada penurunan harga emas yang banyak menyebabkan kita boleh mengambil peluang menambahkan stok ketika harga emas sedang rendah*)

Huraian: Sebagai komoditi, harga emas boleh turun dan naik. Memandangkan trend jangka masa panjang ialah menaik, jadi setiap penurunan harga membolehkan kita membuat keuntungan dengan membeli lebih banyak stok emas dengan cara menggunakan teknik Ar-Rahnu (gadai emas yang sedia ada di tangan dan beli emas dengan hasil gadaian tersebut)

Anda akan mendapat untung apabila harga emas melantun semula. Perhatikan graf dibawah. Kita dapati harga emas boleh jatuh 26.8% dalam masa 2 minggu. Namun selepas itu ia melonjak naik sebanyak 47.6% dalam tempoh 4 bulan.



**Gambar: Harga emas jatuh 26.8% dalam masa 2 minggu dan melantun semula sehingga 47.6% di dalam masa 4 bulan!**

**TEKNIK 1: PAJAK EMAS FIZIKAL DAN BELI EMAS GIA/GSPA**

1. Ketika harga emas rendah, pajakkan emas anda di Ar-Rahnu. Hasil duit pajakan semuanya digunakan untuk membeli emas GIA Public Bank atau Maybank GSPA.
2. Bila harga emas kembali naik, anda jual emas GIA dan tebus balik emas di Ar-Rahnu


*p/s: Kelemahan teknik ini ialah anda cuma boleh pajakkan emas anda sekali sahaja. Bila hasil pajakan tersebut anda masukkan kedalam GIA/GSPA maka anda tidak boleh memajak lagi. Anda cuma boleh tunggu harga emas naik. **Jika anda hendak untung lebih anda kena buat teknik pajak dan beli emas fizikal.***

**TEKNIK 2 :PAJAK EMAS DAN BELI LAGI EMAS.FIZIKAL**

1. Ketika harga emas rendah, pajakkan emas anda di Ar-Rahnu. Beli lagi emas fizikal dengan hasil pajakan tersebut tersebut, contohnya Syiling Emas UOB, Kijang Emas atau jongkong emas Public Gold (emas yang *spreadnya* kecil)
2. Pajak semula emas fizikal tersebut di Ar-Rahnu. Gunakan hasil pajakan kali kedua tersebut untuk membeli lagi emas fizikal. Anda boleh ulang-ulang proses ini sehingga 2-3 kali (kalau modal besar seperti RM100,000, maka anda boleh ulangi proses pajak ini banyak kali)
3. Di hujung proses ini, pastikan anda ada emas fizikal ditangan. Apabila harga emas naik, anda jual emas fizikal di tangan anda. Kemudian hasil jualan itu anda tebus emas di dalam Ar-Rahnu. Ulangi proses ini sehingga kesemua emas anda habis ditebus.
4. Di akhir proses, anda akan mendapat semula emas anda yang pertama. Anda akan mendapat untung kerana jualan emas pada harga tinggi boleh menampung kos upah simpan di Ar-Rahnu bagi emas-emas yang digadaikan.



**Gambar: Ilustrasi proses pajak emas dan beli emas fizikal.**



**Berapa Harga Kedua-dua ebook ini?**

Harga bagi kedua ebook ini adalah RM80 sahaja.

Untuk membeli ebook-ebook ini, anda boleh bank in ke dalam akaun saya samada:

1. Maybank 554110101693 Jutawanemas Trading
2. CIMB 04060067201528 Syukor bin Hashim
3. Public Bank 4500959623 Syukor bin Hashim

p/s: Untuk mendapat ebook dengan lebih pantas, sila SMS nama, emel anda dan bank yang anda bank in selepas membuat bayaran. Terima kasih.

**Topik 9: Kesimpulan:**

Tahniah! anda telah kini telah pun sampai ke penghujung ebook/buku ini. Saya beranggapan anda telah memahami dengan jelas mengenai pelaburan emas di Malaysia:

1. Cara-cara membuat pelaburan emas yang betul
2. Memilih emas yang terbaik untuk diri anda.
3. Bagaimana anda boleh menjana keuntungan dengan pelaburan emas.
4. Elakkan daripada terjerumus di dalam skim-skim pelaburan emas

Sekarang apa yang penting ialah anda mengambil tindakan sekarang!

**Take Action Now** 🙌😊🙌



Saya doakan anda semua kaya dan berjaya.

Sekian wassalam.

Syukor Hashim

Admin

[www.jutawanemas.com](http://www.jutawanemas.com)

e-mail: [admin@jutawanemas.com](mailto:admin@jutawanemas.com)

sms: 013-2126 999.